

ASAS RUMAH TANGGA

Suami dan isteri perlu bersikap mulia untuk hidup bersama

BERSAMA KAUNSELOR

Pn Siti Fatimah Abdul Ghani
Kaunselor Berdaftar di Bahagian Kaunseling UPM
sifatimah@upm.edu.my

Saya bakal mendirikan rumah tangga dengan lelaki pilihan keluarga. Saya akur bawahtu saya tidak belajar tinggi dan hanyalah lepas SPM.

Kini saya hanya bekerja sebagai pembantu jualan di butik pakaian berhampiran dengan rumah keluarga saya.

Meskipun saya tidak bersedia sepenuhnya untuk berkahwin, namun saya bersetuju dengan pilihan ini berdasarkan beberapa faktor dan ia adalah yang terbaik buat saya.

Dalam usia yang masih muda iaitu awal 20-an, saya merasakan masih terlalu muda untuk menjadi isteri dan memikul tanggungjawab itu.

Oleh itu, saya berharap puau sudi berkongsi dengan saya petua memasuki gerbang perkahwinan.

Belum sedia Melaka

Tahniah saya ucapkan di atas perkahwinan yang bakal terbina. Sesungguhnya ia adalah penyatuhan dua hati dan dua keluarga besar. Semoga rahmat Ilahi sentiasa memayungi kehidupan anda.

Menyentuh mengenai perkahwinan, usia bukanlah faktor utama yang perlu diperdebatkan. Sebaliknya, ia lebih kepada persediaan dalaman dan luaran serta faktor kemampuan yang meliputi pelbagai hal asas kehidupan.

Sebagai panduan ringkas dalam memasuki gerbang perkahwinan, adalah lebih bermakna jika saya berkongsi berkenaan asas utama sesuatu perkahwinan yang membabitkan dua individu berlainan jantina iaitu bakal suami dan isteri.

Perkongsian saya adalah berfokus kepada akhlak suami isteri. Sebagai seorang Muslim yang menghayati Islam sebagai satu cara hidup, akhlak merupakan elemen penting dalam pembentukan personaliti dan keperibadian Muslim



sejati.

Akhlik yang baik dan terpuji akan lahir daripada jiwa yang bersih dan kefahaman yang jelas terhadap potensi diri insan dalam mengharungi tanggungjawabnya di dunia.

Akhlik yang terpuji dan mulia yang bersifat mahmudah akan melahirkan kebahagiaan dalam kehidupan berumah tangga dan seterusnya untuk kehidupan di dunia dan akhirat.

La menggambarkan rahmat dan hidayah Allah SWT. Individu yang mempunyai akhlak terpuji mempunyai sifat-sifat antaranya:

1. Ketakwaan kepada hukum serta peraturan Allah.

Dengan wujudnya ketakwaan kepada Allah maka semestinya rumah tangga yang dibina itu dirahmati.

Selain itu, penting juga untuk memahami peranan dan tanggungjawab sebagai suami dan isteri.

Bekerjasama dalam memastikan kelancaran hidup berumah tangga. Toleransi itu adalah syarat pertama dalam mencipta kebahagiaan.

2. Bijaksana dan mempunyai hikmah.

Keutamaan di sini ialah berilmu yang sebenarnya

berakal di mana akidahnya betul dan mempunyai pegangan hidup.

Perkahwinan adalah permulaan dalam mentadbir rumah tangga yang sarat dengan tanggungjawab dan perkongsian.

3. Mengawasi dan mengawal keinginan dan nafsu.

Dalam erti kata lain, suami atau isteri perlu menggunakan agama dan akal untuk membuat pertimbangan antara kerakusan nafsu dengan tiada keinginan.

Selain itu, perkahwinan bukan untuk keseronokan seks semata-mata tetapi untuk mengekalkan keturunan, suatu sunah Rasulullah s.a.w.

4. Tegas dalam mengawal diri daripada sifat tercela.

Iaitu marah tanpa sebab atau takut kepada perkara yang terang-terangan salah. Tindakan suami dan isteri tidak boleh membuat tuli tanpa usul periksa dan ada pertimbangan.

Setiap mereka perlu menjadi pembimbing dalam kehidupan berumah tangga seperti pemurah, berani, sabar dan tenang.

5. Pertimbangan yang adil.

Bermaksud mempunyai ciri-ciri hikmah, bijaksana, tegas dan ada

pengawalan.

Tindakannya sentiasa menepati peraturan dan hukum Allah serta meletakkan sesuatu pada tempatnya.

6. Sabar.

Adalah asas penting dalam mengharungi kehidupan berumah tangga sama ada suami atau isteri.

Kesabaran hanya mampu diuji ketika anda berdua menghadapi sesuatu yang cukup terkesan kepada perasaan serta kehidupan.

Pada saat ini barulah pasangan suami dan isteri itu sedar sejauh mana nilai kesabaran yang ada.

Namun sebaiknya, didik hati untuk bersabar dengan menjauhi peribadi tercela seperti zalim, hasad, dendki, khianat, curang, terlalu berkira, mengukit, mungkir janji, boros serta memutuskan silaturahim.

Sebaik-baiknya, kesabaran boleh terbentuk dengan menyedari bahawa kasih sayang adalah tugas bersama.

7. Komunikasi berkesan.

Dalam mewujudkan suasana mesra, perasaan kasih sayang, bersifat penyayang serta kesudian untuk mendengar dengan aktif dan berkesan.

Jauhi prasangka namun penting juga untuk berhati-hati.